

Kabinet kaji gaji bulanan kepada pekerja ladang

9/4 - 6/11/2002

KUALA LUMPUR, Khamis

Kabinet akan mengkaji syor memberi gaji bulanan kepada pekerja ladang getah, termasuk penoreh dan buruh am, bagi memastikan pengeluaran sektor itu tidak terjejas dan mampu memenuhi keperluan dalam negara.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata cadangan itu dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet semalam dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan beliau bersama Kementerian Sumber Manusia mengemukakan kertas kerja mengenainya dalam masa terdekat.

"Getah masih menjadi tanaman strategik kerana permintaan untuknya terus meningkat tanpa mengira harga semasa komoditi berkenaan dan kebajikan pekerja sektor itu harus diberi perhatian bagi memastikan pengeluaran bahan mentah ini kekal di tahap paling tinggi.

"Pada masa yang sama, teknologi penorehan serta pemerosesan getah harus dipertingkatkan selain memantau pemilik ladang bagi memastikan mereka tidak ghairah menanam semula ladang getah dengan kelapa sawit saja.

"Kerajaan harus mengambil berat mengenai kebajikan dan masa depan hampir 30,000 pekerja ladang getah di seluruh negara," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC di sini hari ini.

Samy Vellu menjelaskan beliau terpaksa campur tangan dalam isu itu berikutan tindakan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Malaysia (MAPA) menolak cadangan gaji bulanan untuk pekerja ladang getah baru-baru ini.

Katanya, negara kini memerlukan antara 600 hingga 700 juta tan getah setahun dan terpaksa mengimport komoditi itu dari

Indonesia, Thailand dan Vietnam walaupun sebelum ini Malaysia adalah pengeksport utama getah.

Beliau memaklumkan, sektor perladangan negara mempunyai 149,052 pekerja, termasuk 61 peratus warga tempatan manakala selebihnya rakyat asing. Daripada jumlah itu, 38,466 bekerja di ladang kelapa sawit dan 29,893 adalah pekerja sektor perladangan getah.

Dalam perkembangan lain, mesyuarat CWC hari ini turut membincangkan mengenai masa depan 522 sekolah Tamil di seluruh negara di mana 65 peratus daripadanya masih mendapat bantuan modal kerajaan.

Samy Vellu memaklumkan beliau sudah meminta Kabinet menimbangkan supaya semua sekolah berkenaan mendapat bantuan penuh selain melaksanakan lebih banyak pembinaan sekolah Tamil di seluruh negara.